

Strategi dan Penyesuaian Kaedah Sara Hidup Dalam Kalangan Komuniti Bumiputera Pinggir Bandar

(The Strategies and Adaptations of Livelihood Among Suburban Bumiputera Community)

Azril Neterhelmy Bin Shaharuddin^{1*} , Mohammad Suhaidi Salleh²

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), 94300, Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

Email: neterazril97@gmail.com

²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), 94300, Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

Email: smsuhaidi@unimas.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Azril Neterhelmy Bin
Shaharuddin
(neterazril97@gmail.com)

KATA KUNCI:

Pembangunan
Rebakan Pemandaran
Pinggir Bandar
Sara Hidup

KEYWORDS:

Development
Urban Sprawl
Suburban
Livelihood

CITATION:

Azril Neterhelmy Shaharuddin & Mohammad Suhaidi Salleh. (2022). Strategi dan Penyesuaian Kaedah Sara Hidup Dalam Kalangan Komuniti Bumiputera Pinggir Bandar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(9), e001734. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i9.1734>

ABSTRAK

Pembangunan yang berlaku di kawasan bandar telah membawa kepada rebakan pemandaran terhadap kawasan pinggir bandar. Ketepuan pembangunan yang berlaku di kawasan bandar telah membawa kepada penerokaan dan pembukaan kawasan pinggir. Perubahan ekonomi di kawasan pinggir bandar dapat dilihat dengan jelas melalui perluasan kuasa pasar, pelaburan syarikat besar dan campur tangan pemerintah. Walaubagaimanapun, komuniti di pinggir bandar ini dilihat mengalami kesukaran dalam menyesuaikan diri dan beradaptasi dengan segala bentuk perubahan yang berlaku. Peningkatan harga barangan dan kos sara hidup memaksa komuniti pinggir bandar ini untuk mengubah bentuk aktiviti ekonomi dan sara hidup mereka agar dapat bergerak seiring dengan perubahan yang berlaku. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengukur perubahan aktiviti ekonomi yang berlaku serta mengenal pasti strategi dan penyesuaian sara hidup yang dilakukan oleh komuniti pinggir bandar Daerah Bau. Reka bentuk kajian ini adalah melalui pendekatan survei melalui borang soal selidik yang diedarkan. Dapatan daripada soal selidik juga disokong melalui beberapa siri temubual bersama orang sumber. Kajian ini melibatkan responden seramai 381 orang yang terdiri daripada komuniti bumiputera pinggir bandar di Daerah Bau yang berusia 18 tahun keatas dan dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Data seterusnya diproses dan dianalisis menggunakan perisian SPSS. Dapatan kajian mendapati terdapat perubahan aktiviti ekonomi sara hidup yang ketara antara generasi pertama dan kedua KIR di kawasan pinggir bandar Daerah Bau hasil daripada pembangunan dan perubahan yang berlaku di kawasan tersebut. Kajian juga mendapati terdapat lima strategi dan penyesuaian kaedah sara hidup yang dipersetujui oleh

responden yang dilihat berupaya untuk menambah baik pendapatan dan taraf hidup mereka.

ABSTRACT

The development that took place in urban areas has led to the spread of urbanization towards the suburban areas. The saturation of development that occurs has led to the expansion of suburban area. Economic changes that occurs in the suburbs can be clearly seen through the expansion of market force, penetration of capitalism and government intervention in the area. However, this suburban community seen to be experiencing difficulties in adapting to the change. Increase in the cost of living has forces the communities in these suburban areas to adjust their economic activities and livelihood in order adapt with changes that occur. Therefore, this study was carried to measure the changes in economic activities, as well as identifying strategies and adaptations of livelihoods carried out by suburban communities in the Bau District. This study apply survey approach through the distributions of questionnaires. The findings are also supported by series of interviews conducted with source people. This study involved a total of 381 respondents from the suburban bumiputera community in Bau District who were 18 years old and above and were selected through purposive sampling. The data were analyzed by using SPSS software. Finding shows that there is a significant change in subsistence economic activity between the first and second generation of KIR in the suburban areas of the Bau District. The study also found that there are five strategies and adjustments to livelihood methods agreed by the respondents that are seen as capable of improving their income and standard of living.

Sumbangan/Keaslian: Sumbangan utama kajian ini adalah dapat menyumbang kepada korpus ilmu berkaitan pembangunan komuniti pinggir bandar. Kajian ini memberikan gambaran berkenaan perubahan aktiviti ekonomi dan penyesuaian sara hidup yang berlaku di kawasan pinggir bandar dalam konteks pinggir bandar di Daerah Bau, Sarawak.

1. Pengenalan

Terdapat kawasan penempatan yang terkesan akibat daripada pambandaran dan pembangunan yang sering dilepas pandang oleh ahli sosiologi iaitu kawasan pinggir bandar. Kawasan pinggir bandar menurut [Tian \(2020\)](#) adalah sebuah kawasan yang bercirikan campuran penggunaan tanah yang merangkumi kawasan bandar dan luar bandar serta berdekatan dengan kawasan bandar utama. Rebanan pambandaran yang berlaku di kawasan pinggir bandar adalah kesan daripada ketepuan pembangunan yang berlaku di kawasan bandar. Kepesatan pembangunan yang berlaku ini secara tidak langsung telah menyebabkan kawasan pinggiran ini terhimpit dengan arus pemodenan semasa bandar dan perubahan yang berlaku sekali gus memberi kesan kepada perkembangan serta struktur ekonomi di kawasan tersebut ([Anuar, 2006](#)). Menurut [Viet \(2010\)](#), antara kesan langsung pambandaran terhadap kawasan pinggir bandar adalah, keperluan untuk melakukan pengubahan serta penyesuaian kaedah sara hidup agar

komuniti di kawasan pinggir ini dapat beradaptasi dengan perubahan landskap ekonomi di kawasan tersebut.

Menurut [Tian \(2020\)](#) sebagai sebuah kawasan yang terletak di antara kawasan bandar dan luar bandar, kawasan pinggir bandar dilihat masih lagi mengamalkan aktiviti ekonomi tradisional seperti pertanian bagi menjana pendapatan mereka. [Samruhaizad dan Azhan \(2015\)](#) menegaskan, kawasan pinggir bandar juga merupakan sebuah entiti dan kawasan yang kompleks kerana mempunyai percampuran yang sangat kuat antara kegiatan industri dengan pertanian. Justeru perubahan serta pembangunan yang berlaku di kawasan pinggir bandar ini sedikit sebanyak akan memberi kesan terhadap perubahan aktiviti ekonomi komuniti di kawasan tersebut.

Tegas [Amaluddin, et al. \(2017\)](#), kesan daripada pembangunan dan rebakan pempandaran yang berlaku, telah memberi banyak kesan negatif terhadap komuniti pinggir bandar antaranya seperti peningkatan harga barangan, kesukaran memiliki hartanah dan kualiti hidup yang semakin berkurangan. Oleh yang demikian, komuniti di kawasan pinggir ini bandar ini melihat keperluan dalam merekonstruksi bentuk aktiviti ekonomi mereka dalam usaha untuk beradaptasi dengan perubahan ekonomi yang berlaku. Perubahan ini menurut [Amaluddin, et al. \(2017\)](#) adalah melalui perubahan bentuk pekerjaan serta kaedah sara hidup.

Justeru, terdapat keperluan daripada komuniti pinggir bandar untuk melakukan perangkaan strategi serta penyesuaian terhadap kaedah sara hidup. [Mohamad Suhaidi \(2006\)](#) menegaskan bahawa kepelbagaian kaedah sara hidup akan memberi peluang kepada komuniti di sesebuah kawasan untuk meneruskan kelangsungan kehidupan mereka di dalam persekitaran kawasan yang sering berubah kesan daripada tekanan pasar serta pembangunan yang berlaku. Dengan strategi dan penyesuaian sara hidup ini, secara tidak langsung dapat membantu komuniti di kawasan pinggir bandar mengatasi kesulitan yang dihadapi dalam fasa transisi perubahan ekonomi yang berlaku. Komuniti di kawasan tersebut juga dapat membiasakan diri dan beradaptasi dengan perubahan dan pembangunan yang berlaku. Oleh yang demikian dalam kajian ini, cenderung untuk melihat strategi dan penyesuaian yang dilakukan oleh bumiputera di pinggir bandar Sarawak dalam menyesuaikan kaedah sara hidup dengan segala bentuk perubahan dan pembangunan yang berlaku di kawasan tersebut.

1.1. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji kesan pembangunan dan rebakan pempandaran yang berlaku di kawasan pinggir bandar terhadap perubahan aktiviti ekonomi dan kepelbagaian kaedah sara hidup komuniti bumiputera pinggir bandar di Daerah Bau, Sarawak. Berdasarkan kepada tujuan ini, dua objektif yang dirangka bagi kajian ini adalah:


- i. Mengetahui pasti perubahan aktiviti ekonomi dan sara hidup komuniti bumiputera pinggir bandar Daerah Bau.
- ii. Mengetahui pasti strategi dan penyesuaian sara hidup yang dilakukan oleh komuniti pinggir bandar Daerah Bau.

2. Sorotan Literatur

2.1. Strategi Kepelbagaian Sara Hidup (*Livelihood Strategies*)

Menurut Ellis (1998), komponen asas dalam konsep sara hidup tidak terhad kepada pendapatan tunai semata-mata, tetapi turut sama mengambil kira pendapatan yang mempunyai nilai-nilai ekonomi. Pendapatan itu sendiri menurut Ellis (1998) dapat dibahagikan kepada dua iaitu pendapatan berbentuk tunai seperti: gaji dan pajakan, serta pendapatan yang bukan berbentuk tunai seperti: pertukaran barangan, hasil pertanian, dan makanan yang diterima melalui perkongsian sesama ahli komuniti (Rajah 1). Dapatan jelas menunjukkan kepelbagaian bentuk sara hidup yang wujud di dalam masyarakat dan tidak terhad kepada bentuk tunai sahaja.

Rajah 1: Komponen Sara Hidup



Sumber: Ellis (1998)

Selain itu, komponen lain dalam konsep sara hidup adalah sokongan sosial persekitaran. Ellis (1998) menegaskan bahawa, institusi sosial seperti keluarga, saudara dan persekitaran memainkan peranan yang penting dalam membentuk jaringan sosial bagi mempelbagaikan sumber pendapatan. Menurut Mohamad Suhaidi dan Nita Edama (2013), contoh lapangan terbaik yang dapat diberikan dalam komponen sara hidup ini adalah melalui sokongan keluarga seperti akses terhadap tanah yang dikongsi sesama ahli keluarga bagi membantu satu sama lain dalam menjana pendapatan dan meneruskan kelestarian kehidupan.

Komponen sara hidup terakhir yang dinyatakan oleh Ellis (1998) adalah kemampuan untuk mendapatkan faedah melalui segala kemudahan dan perkhidmatan yang telah disediakan oleh negara atau pihak pemerintah seperti pendidikan, infrastruktur, kemudahan kesihatan dan perkara asas yang lain. Menurut Shari (1992), sesebuah komuniti mampu untuk meneruskan kehidupan dan mempelbagaikan kaedah sara hidup mereka melalui infrastruktur serta kemudahan asas yang disediakan oleh pemerintah kawasan tersebut. Perkara ini yang dilihat oleh Ellis (1998) sebagai antara kepelbagaian komponen di dalam sara hidup dan tidak hanya kepada bergantung kepada komponen pendapatan sahaja.

Kepelbagaian kaedah sara hidup pula merujuk kepada suatu proses membina kepelbagaian portfolio aktiviti dan kemampuan sokongan sosial dalam meneruskan kelangsungan dan meningkatkan taraf hidup (Ellis, 1998). Menurut Mohamad Suhaidi dan Nita Edama (2013), terdapat tiga tumpuan utama yang diberikan terhadap kepelbagaian kaedah sara hidup iaitu: mempelbagaikan jenis aktiviti pekerjaan, meningkatkan kepelbagaian sokongan sosial dan meningkatkan taraf hidup.

2.2. Pinggir Bandar

Perkembangan kawasan pinggir bandar atau *Suburban* adalah satu fenomena sosial yang berlaku kesan daripada pertumbuhan yang pesat di kawasan bandar akibat daripada ledakan industri yang berlaku. Perkataan “*sub*” yang membawa maksud sebagai pengganti kepada yang lain merupakan antara definisi awal bagi pinggir bandar (Jauhiainen, 2013). Hal ini demikian kerana kemunculan kawasan pinggir bandar adalah disebabkan ketepuan pembangunan yang berlaku di kawasan bandar sekali gus membawa kepada pembukaan sebuah kawasan pinggiran yang baharu bagi mengatasi masalah ketepuan tersebut (Jauhiainen, 2013). Menurut Tian (2020), terdapat beberapa ciri utama yang dapat dilihat di kawasan pinggir bandar iaitu: kawasan yang berdekatan dengan kawasan bandar utama dan bercirikan campuran penggunaan tanah yang merangkumi kawasan bandar dan luar bandar, mempunyai kepadatan penduduk yang sederhana dan tidak melebihi jumlah penduduk di kawasan bandar, dan jarak yang berdekatan dengan kawasan bandar. Jauhiainen (2013) juga menambah bahawa kawasan pinggir bandar ini mempunyai perindustrian dan perdagangan yang sederhana dan dilihat sedikit berbeza dengan kawasan bandar.

Menurut Tian (2020), terdapat beberapa indikator dalam mengenal pasti sesebuah kawasan pinggir bandar iaitu aktiviti ekonomi kawasan tersebut, sempadan pentadbiran, lokasi kawasan dan kepadatan penduduk. Forman (2008), menegaskan bahawa sempadan pentadbiran bagi kawasan pinggir bandar adalah ditetapkan oleh pemerintah kawasan tersebut. Manakala Clapson dan Hutchison (2010), menyatakan lokasi bagi kawasan pinggir bandar ini adalah terletak di antara kawasan bandar dan luar bandar dan kawasan pinggir bandar ini boleh diakses oleh kedua-dua buah kawasan tersebut. Gordon dan Janzen (2013) pula menyatakan kepadatan penduduk bagi sesebuah kawasan pinggir bandar adalah sederhana dan ditentukan oleh banci yang dilakukan oleh pemerintah sesebuah kawasan.

Menurut Amaluddin, et al. (2017) proses “rebakan bandar” yang berlaku telah menyebabkan pembangunan di bandar merebak ke kawasan luar bandar sekali gus membangunkan kawasan pinggir bandar. Pembesaran kawasan pinggir bandar ini adalah serapan daripada kawasan bandar sekali gus meningkatkan populasi penduduk kawasan pinggir bandar. Perubahan yang berlaku di kawasan pinggir bandar ini bukan sahaja merangkumi perubahan pembangunan infrastruktur malahan turut merangkumi perubahan sosio-ekonomi kawasan tersebut. Kesan daripada pembangunan yang berlaku ini menyebabkan perubahan kualiti hidup, peningkatan kepadatan penduduk, peningkatan kos sara hidup, ruang penempatan yang semakin sempit, kehilangan sumber alam, peningkatan kadar jenayah dan lain-lain lagi (Samruhaizad & Azhan Awang, 2015).

Kajian yang dilakukan oleh Samruhaizad Samian dan Azhan (2015) berkenaan tahap kesediaan komuniti pinggir bandar dengan perubahan serta pembangunan yang berlaku, menunjukkan komuniti di kawasan pinggir bandar ini masih belum bersedia dengan perubahan yang berlaku kerana takut akan kesan pembangunan tersebut terhadap ekonomi dan sosial mereka. Amaluddin, et al. (2017) juga mencadangkan berkenaan perangkaan strategi dan penyesuaian sara hidup dilakukan oleh komuniti pinggir bandar ini sebagai persediaan mereka bagi menghadapi sebarang bentuk perubahan ekonomi dan pembangunan setempat yang berlaku.

3. Metod Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji cenderung untuk menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif dalam melaksanakan kajian. Pengkaji juga telah menggunakan data primer dan sekunder bagi mencapai objektif yang telah dinyatakan dalam kajian ini. Bagi memperoleh data primer, pengkaji telah menggunakan borang soal selidik bagi mendapatkan maklumat daripada responden berkenaan kajian yang dijalankan. Pengkaji telah merangka lima item soalan yang berkaitan dengan strategi dan kaedah penyesuaian sara hidup yang boleh dilakukan oleh komuniti di kawasan pinggir bandar Daerah Bau. Set soalan ini dirangka berdasarkan dapatan awal yang diperoleh melalui temu bual yang dijalankan di lapangan sebelum borang soal selidik diedarkan. Setiap item soalan yang dinyatakan adalah berdasarkan persepsi serta pendapat komuniti itu sendiri bagi memperbaiki dan menambah baik kaedah sara hidup mereka. Responden diminta untuk bersetuju atau tidak dengan pernyataan yang diberikan dengan menggunakan kaedah skala *Likert* daripada sangat setuju hingga sangat tidak setuju. Istilah yang diguna pakai di dalam borang soal selidik ini juga diperjelaskan kepada responden bagi memberikan gambaran yang jelas berkenaan kajian yang dijalankan. Responden juga diminta menjawab pernyataan soal selidik dengan membulatkan jawapan dalam ruangan yang disediakan. Penggunaan skala *Likert* adalah seperti berikut: 1: Sangat Setuju, 2: Setuju, 3: Tidak Setuju dan 4: Sangat Tidak Setuju.

Bagi menganalisis skor yang diperoleh di dalam dapatan ini, pengkaji telah menggunakan nilai min dalam merumuskan respons KIR terhadap pernyataan yang diberikan di dalam borang soal selidik. Interpretasi dan pemeringkatan skala skor min telah dirumuskan seperti di dalam (Jadual 1) di bawah:

Jadual 1: Skor Min dan Interpretasi

Skor Min	Interpretasi Skor Min	
1.00 – 2.00	Tinggi	(Bersetuju, sangat setuju, sangat membantu, sangat memenuhi)
2.01 – 3.00	Sederhana	(Kurang Setuju, kurang membantu, kurang memenuhi, separuh)
3.01 – 4.00	Rendah	(Tidak bersetuju, tidak membantu, kurang memenuhi)

Seterusnya pengkaji juga merangka soalan berkenaan perubahan pekerjaan yang berlaku antara generasi pertama dan kedua komuniti bumiputera pinggir bandar di kawasan tersebut. Dapatan ini penting bagi memperlihatkan perubahan aktiviti ekonomi yang berlaku di kawasan pinggir bandar ini. Selain itu kaedah pemerhatian di lapangan dan temu bual secara bersemuka telah dijalankan bagi melihat corak dan dinamik data di kawasan kajian. Temu bual secara bersemuka telah dijalankan bersama “orang sumber” yang boleh dipercayai dan berpengalaman luas di kawasan kajian yang dipilih bagi mendapatkan maklum balas berkenaan kajian yang dijalankan. Data sekunder yang diperoleh pula adalah melalui pembacaan pengkaji terhadap laporan-laporan kerajaan serta dokumen rasmi berkenaan pembangunan yang berlaku di kawasan kajian.

Kaedah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) telah digunakan bagi proses pemilihan responden dengan penekanan diberikan terhadap: responden yang berusia 18 tahun ke atas, menetap di kawasan pinggir bandar Daerah Bau, merupakan ketua isi rumah dan tergolong di dalam kelompok bumiputera Sarawak. Jumlah sampel yang terlibat di dalam kajian ini pula adalah seramai 381 orang. Jumlah ini dilihat bersesuaian

dengan jumlah saiz sampel yang ditetapkan oleh [Krejcie dan Morgan \(1970\)](#), iaitu saiz sampel sebanyak 381 orang berdasarkan jumlah populasi sebanyak 40 000 orang. Kawasan pinggir bandar yang dipilih pula adalah kawasan pinggir bandar di Daerah Bau dengan pengkhususan diberikan kepada tiga buah kawasan penempatan iaitu Kampung Bobak, Kampung Tanjong Bowang dan Kampung Tanjong Poting. Pemilihan kawasan ini bertepatan ciri-ciri pinggir bandar yang dicari oleh pengkaji dan bertepatan dengan indikator yang dinyatakan oleh [Jauhiainen \(2013\)](#). Akhir sekali, pengkaji telah menganalisis data yang diperoleh menggunakan aplikasi SPSS (*Statistic Package for Social Science*). Analisis deskriptif telah digunakan dengan penekanan diberikan kepada penggunaan min dalam menganalisis data. Selain itu, pengkaji juga menganalisis berdasarkan kepada frekuensi kekerapan dan peratusan data yang diperoleh dalam melakukan perbandingan data yang diperoleh.

4. Hasil Kajian

4.1. Perubahan Aktiviti Sara Hidup

Perubahan aktiviti ekonomi di kawasan pinggir bandar Daerah Bau ini dapat dilihat dengan jelas melalui perbandingan pekerjaan yang dilakukan di antara bapa KIR (generasi pertama) dan KIR (generasi kedua). Perbandingan di antara dua generasi dapat memperlihatkan transisi perubahan aktiviti ekonomi yang berlaku seiring dengan pembangunan dan rebakan pambandaran yang berlaku di kawasan tersebut (Rujuk [Jadual 2](#)).

Jadual 2: Perbandingan Pekerjaan Antara Bapa KIR dan KIR

Pekerjaan	Kampung Bobak	Kampung Tanjong Bowang	Kampung Tanjong Poting	Jumlah
<i>Bapa KIR</i>				
Kerajaan	4	13	7	24 (6.3%)
Swasta	20	31	12	63 (16.54%)
Petani	82	31	33	146 (38.32%)
Peniaga	3	6	3	12 (3.15%)
Buruh Upah	3	9	29	41 (10.76%)
Pesara	9	30	18	57 (14.97%)
Lain-lain	6	7	26	38 (9.97%)
<i>KIR (Ketua Isi Rumah)</i>				
Kerajaan	9	20	30	59 (15.5%)
Swasta	45	60	27	132 (34.6%)
Petani	51	13	10	74 (19.4%)
Peniaga	3	8	6	17 (4.5%)
Buruh Upah	0	2	5	7 (1.8%)
Kontraktor	1	0	1	2 (0.5%)
Pesara	3	5	34	42 (11.0%)
Lain-lain	7	11	7	25 (6.6%)
Nelayan	2	6	4	12 (3.1%)
Sektor Industri	6	2	2	10 (2.6%)
Mekanik	0	0	1	1 (0.3%)
Jumlah	381			381 (100%)

Dapatan daripada [Jadual 2](#) menunjukkan, majoriti daripada bapa KIR (generasi pertama) bekerja sebagai petani iaitu sebanyak 38.32% (146 orang). Jumlah bapa KIR yang bekerja di sektor kerajaan berada pada tahap yang rendah iaitu 6.3% (24 orang). Terdapat juga daripada bapa KIR yang bekerja di sektor swasta iaitu sebanyak 15.54% (63 orang). Manakala jenis pekerjaan lain yang dilakukan oleh bapa KIR adalah peniaga 3.15% (12 orang), buruh upah 10.76% (41 orang), pesara 14.97% (57 orang) dan lain-lain pekerjaan 9.97% (38 orang).

Corak jenis pekerjaan yang dilakukan oleh KIR (generasi kedua) dilihat berbeza dengan bapa KIR. Dapatan menunjukkan pertambahan penglibatan KIR dalam sektor awam iaitu sebanyak 15.5% (59 orang) dan swasta 34.6% (132 orang). Manakala pekerjaan sebagai petani menunjukkan penurunan di dalam generasi KIR ini kepada hanya 19.4% (74 orang). Antara perubahan lain yang turut dikesan pengkaji adalah jenis pekerjaan baharu yang diceburi oleh generasi KIR ini iaitu kontraktor sebanyak 0.5% (2 orang), nelayan 3.1% (12 orang), sektor industri 2.6 % (10 orang) dan mekanik 0.3% (1 orang). Manakala pekerjaan seperti buruh upah sebanyak 1.9% (7 orang), pesara 11.0% (42 orang), lain-lain pekerjaan 6.6% (25 orang), menunjukkan penurunan berbanding generasi terdahulu.

4.2. Strategi dan Penyesuaian Kaedah Sara Hidup

Terdapat lima pernyataan yang telah diutarakan oleh pengkaji kepada responden berkenaan strategi dan penyesuaian sara hidup yang boleh dilakukan dalam mendepani arus pembangunan dan perubahan setempat yang berlaku. Pernyataan yang diberikan pengkaji ini dirangka berdasarkan temu bual awal yang dilakukan terhadap responden yang terpilih. Isu-isu utama berkenaan permasalahan ekonomi dan sara hidup menjadi tunjang utama pengkaji dalam merangka pernyataan tersebut. Dapatan kajian dapat dirumuskan seperti di dalam [Jadual 3](#) di bawah.

Jadual 3: Strategi Penyesuaian Kaedah Sara Hidup KIR di Pinggir Bandar Daerah Bau

Item	Skala				Min	Sisihan Piawai
	1: SS	2: S	3: TS	4: STS		
Penduduk di kawasan ini perlu mempelbagaikan kaedah sara hidup mereka supaya dapat menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku.	88 (23.1%)	287 (75.3%)	3 (0.8%)	3 (0.8%)	1.79	0.477
Individu tidak seharusnya bergantung kepada satu sumber pendapatan sahaja.	81 (21.3%)	291 (76.4%)	6 (1.6%)	3 (0.8%)	1.82	0.477
Menabung perlu dijadikan Amalan berterusan di dalam Kehidupan seharian	89 (23.4%)	284 (74.5%)	5 (1.6%)	3 (0.8%)	1.80	0.487
Mereka yang terlibat di dalam bidang pertanian perlu memperbaharui kaedah	83 (21.8%)	288 (75.6%)	7 (1.8%)	3 (0.8%)	1.82	0.484

penanaman dan menggunakan teknologi yang terkini supaya dapat meningkatkan hasil pengeluaran dan bersaing dengan petani yang lain.						
Mereka yang melakukan perniagaan ataupun pertanian seharusnya mempelajari teknik pemasaran yang berkesan bagi meningkatkan hasil jualan produk dan tanaman yang mereka keluarkan.	72 (18.9%)	301 (79.0%)	5 (1.3%)	3 (0.8%)	1.84	0.457
Jumlah Keseluruhan (Min)						1.8126

Jadual 3 menunjukkan strategi dan penyesuaian kaedah sara hidup yang dipersetujui oleh komuniti bumiputera pinggir bandar Daerah Bau. Jawapan yang diberikan oleh responden adalah berdasarkan kepada petunjuk skala *likert* yang diberikan iaitu: 1 (Sangat Setuju), 2 (Setuju), 3 (Tidak Setuju) dan 4 (Sangat Tidak Setuju). Rumusan purata nilai min keseluruhan adalah pada skor 1.8126 iaitu menunjukkan interpretasi skor min berada pada tahap “tinggi” dengan nilai min antara 1.00 – 2.00.

Setiap pernyataan yang dinyatakan juga menunjukkan nilai min pada tahap “tinggi” iaitu membawa kepada interpretasi min (bersetuju, sangat setuju, sangat membantu dan sangat memenuhi). Pernyataan dengan skor min tertinggi iaitu (1.79) adalah pernyataan berkenaan “keperluan mempelbagaikan kaedah sara hidup” dengan sisihan piawai sebesar 0.477. Majoriti daripada responden (76.4%) “bersetuju” dengan pernyataan tersebut. Manakala hanya: 0.8% menyatakan (sangat tidak setuju), 0.8% (tidak setuju) dan 23.1% memilih (setuju).

Manakala pernyataan yang mempunyai nilai skor min terendah adalah pernyataan berkenaan “keperluan mempelajari strategi pemasaran pertanian dengan nilai skor min sebanyak (1.84) dan nilai sisihan piawai sebesar 0.457. Majoriti responden 79.0% memilih (sangat setuju), 18.9% memilih (setuju), 1.3 % memilih (tidak setuju) dan hanya 0.8% memilih (sangat tidak setuju) dengan pernyataan tersebut.

Pernyataan berkenaan “keperluan kepelbagaian sumber pendapatan” pula menunjukkan skor min sebesar 1.82 dengan interpretasi skor min pada tahap “tinggi”. Majoriti daripada responden memilih iaitu 76.4% memilih (sangat setuju), 21.3% memilih (setuju), 1.6% memilih (tidak setuju) dan 0.8% memilih (sangat tidak setuju) dengan pernyataan yang diberikan.

Selain itu, pernyataan berkenaan “keperluan amalan tabungan” mencatatkan nilai skor min sebanyak 1.80 dengan interpretasi skor min pada tahap “tinggi”. Majoriti daripada responden iaitu 74.5% memilih (sangat setuju), 23.4% memilih (setuju), 1.6% memilih (tidak setuju) dan 0.8% daripada responden memilih (sangat tidak setuju)

Akhir sekali, pernyataan berkenaan “pembaharuan kaedah tanaman dan penggunaan teknologi pertanian” mencatatkan bacaan nilai skor min sebanyak 1.82 dengan interpretasi skor min pada tahap tinggi. Majoriti daripada responden 75.6% memilih

(sangat setuju) dengan pernyataan tersebut. Manakala hanya 21.8% memilih (setuju), 1.8% memilih (tidak setuju) dan 0.8% memilih (sangat tidak setuju) dengan pernyataan tersebut.

5. Perbincangan Kajian

5.1. Perubahan Aktiviti Sara Hidup

Berdasarkan hasil kajian, mendapati terdapat transisi dan perubahan yang ketara terhadap pekerjaan yang dilakukan di antara dua generasi KIR di kawasan pinggir bandar Daerah Bau. Perubahan yang ketara dapat dilihat apabila semakin ramai daripada generasi kedua (KIR) yang mula menceburkan diri ke dalam pekerjaan dalam sektor awam dan swasta. Menurut salah seorang responden yang ditemu bual, penambahan jumlah KIR (generasi kedua) yang menceburkan diri ke dalam sektor awam ini didorong oleh faktor jaminan keselamatan (*safety net*) dan pendapatan yang stabil dalam sektor pekerjaan tersebut berbanding sektor dan pekerjaan yang lain.

“Kalau mahu berniaga kalau tiada modal pun susah. Memang orang cakap meniaga cepat kaya tapi kalau tidak ada modal atau tidak pandai berniaga pun susah juga. Jadi elok lagi kerja kerajaan lebih terjamin masa hadapan. Waktu Covid ini pun mereka tidak ada buang orang kerja” (Desmond Abie, 60 tahun, Bidayuh, Ketua Kaum Kampung Tanjung Bowang)

Menurut [Syed Husin \(1975\)](#) pekerjaan dalam sektor kerajaan mempunyai jaminan keselamatannya yang tersendiri serta membawa status dan prestij yang tinggi di dalam sesebuah komuniti di Malaysia. Dapatan ini menyokong dapatan [Amaluddin et al. \(2017\)](#), berkenaan persediaan dan perangkaan strategi sara hidup yang perlu dilakukan oleh individu atau komuniti termasuk penyesuaian pekerjaan berdasarkan situasi serta landskap ekonomi semasa sesebuah kawasan.

Selain itu, jumlah penglibatan KIR dalam pekerjaan di sektor swasta turut menunjukkan pertumbuhan yang ketara berbanding generasi terdahulu. Pertambahan penglibatan KIR di dalam sektor swasta ini merupakan suatu proses evolusi pekerjaan yang terjadi hasil daripada pembangunan dan rebakan pambandaran kota ke desa. Menurut [Teh dan Hamid \(1998\)](#), kesan daripada perluasan kuasa pasar dan pembangunan yang berlaku di kawasan pinggir bandar telah membuka peluang pekerjaan di sektor swasta yang membantu menyumbang kepada pembangunan ekonomi komuniti pinggir bandar. Pelaburan daripada syarikat-syarikat besar dan pembinaan kilang baharu di kawasan pinggir bandar ini telah membuka peluang kepada penduduk untuk menambahkan penghasilan pendapatan.

Selain itu, akses seperti jalan raya dan pembangunan infrastruktur turut membantu dalam mencorakkan perubahan bentuk aktiviti ekonomi di kawasan pinggir bandar Daerah Bau. Menurut [Abdul \(2000\)](#), peranan yang dilaksanakan oleh negara serta pemerintah melalui pembinaan seperti infrastruktur, jalan raya, sekolah dan kemudahan kesihatan telah membuka ruang kepada percambahan peluang pekerjaan baharu. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui pelbagai pekerjaan baharu yang dilakukan oleh KIR seperti kontraktor, nelayan, sektor industri, perkilangan dan mekanik yang tidak wujud pada generasi pertama (Bapa KIR). Dapatan ini jelas menunjukkan terdapat perubahan aktiviti ekonomi yang ketara berlaku di antara generasi pertama (Bapa KIR)

dan generasi kedua (KIR) di kawasan pinggir bandar Daerah Bau ini kesan daripada pembangunan dan rebakan pambandaran yang berlaku.

5.2. Strategi dan Penyesuaian Kaedah Sara Hidup

Pembangunan dan rebakan pambandaran yang berlaku di kawasan pinggir bandar Daerah Bau ini dilihat telah memberi kesan terhadap perubahan ekonomi dan sara hidup komuniti bumiputera di kawasan tersebut. Majoriti daripada responden yang menjawab soal selidik juga bersetuju terdapat keperluan dalam merangka strategi dan penyesuaian kaedah sara hidup bagi dalam mendepani arus perubahan yang berlaku di kawasan tersebut. Daripada soal selidik yang diedarkan, terdapat lima pernyataan berkenaan strategi dan penyesuaian sara hidup yang dikeluarkan oleh pengkaji sesuai dengan situasi semasa kawasan pinggir bandar tersebut.

Majoriti daripada responden bersetuju dengan strategi mempelbagaikan kaedah sara hidup sebagai antara langkah penyesuaian terbaik yang boleh dilaksanakan. Kepelbagaian kaedah sara hidup ini dari kaca mata responden adalah melalui kepelbagaian pekerjaan yang dilakukan dalam satu-satu masa. Pembangunan yang berlaku di kawasan pinggir bandar ini telah membuka peluang pekerjaan yang banyak kepada komuniti di kawasan tersebut. Hal ini secara tidak langsung telah membuka lebih banyak peluang pekerjaan yang menawarkan pendapatan yang lebih tinggi di samping pekerjaan sampingan yang boleh dilakukan. Dapatan ini menyokong komponen sara hidup oleh Ellis (1998) yang melihat peluang yang boleh diambil oleh sesebuah komuniti melalui segala kemudahan dan pembangunan dalam menyesuaikan kaedah sara hidup mereka.

Seterusnya, responden bersetuju penyesuaian kaedah sara hidup yang boleh dilakukan juga adalah dengan mempelbagaikan sumber pendapatan. Hasil soal selidik mendapati antara sumber pendapatan yang diperoleh oleh responden adalah melalui: pekerjaan utama, pekerjaan sampingan, elaun memegang jawatan, kiriman wang dari anak-anak dan bayaran pencen. Kepelbagaian sumber pendapatan ini dilihat membantu responden dalam menghadapi kenaikan kos sara hidup yang semakin meningkat di kawasan pinggir bandar Daerah Bau ini. Dapatan ini menyokong kenyataan Ellis (1998) iaitu berkenaan kepentingan meningkatkan pendapatan dalam meneruskan kelangsungan kehidupan. Dapatan ini juga disokong oleh Nor Hayati (2010) juga turut menyatakan kepentingan peningkatan pendapatan terhadap sesebuah komuniti untuk keluar dari kepompong kemiskinan dan membaiki taraf hidup mereka.

Selain itu, antara strategi dan penyesuaian kaedah sara hidup yang dipersetujui oleh responden adalah meningkatkan amalan tabungan. Hal ini demikian kerana amalan menabung dalam kalangan komuniti pinggir bandar ini dilihat masih lagi berada pada tahap yang rendah. Menurut salah seorang responden yang ditemu bual, amalan menabung masih lagi rendah di kawasan pinggir bandar terutamanya dalam kalangan pekebun sawit.

"... Berkenaan peningkatan harga sawit sekarang mampu capai sehingga RM 1 ribu satu tan, kalau ada 5 tan sudah ada 5 ribu, tetapi itu lah tidak tahu berapa lama duit itu bertahan. Ini kerana kesedaran tabungan masih rendah. Kita sik tahu dengan harga sawit tok, waktu tok harga nya naik, tapi bila harganya turun kita sik tau apa yang jadi. Itu ketakutan ..." (Puan Dorris, Wakil Majlis Daerah Bau).

Kesedaran berkenaan kepentingan tabungan dilihat masih lagi rendah dalam kalangan komuniti pinggir bandar dan perlu ditambah baik oleh komuniti tersebut. Selain itu faktor pendapatan yang masih lagi berada pada tahap rendah menjadi antara faktor kurangnya komuniti pinggir bandar ini menabung. Hal ini disokong oleh [Nor Hayati \(2010\)](#), yang menyatakan bahawa amalan tabungan dalam sesebuah komuniti amat dipengaruhi oleh peningkatan pendapatan. Kerana menurut [Teh dan Hamid \(1998\)](#), peningkatan pendapatan yang diperoleh membuka ruang kepada masyarakat untuk memenuhi segala keperluan asas, perbelanjaan untuk anak-anak malahan mampu untuk melakukan simpanan bagi tabungan hari tua dan tujuan kecemasan.

Pembaharuan kaedah penanaman dan penggunaan teknologi di dalam pertanian yang dilihat mampu untuk meningkatkan hasil pertanian juga diangkat sebagai salah satu strategi dan penyesuaian kaedah sara hidup dipersetujui oleh komuniti pinggir bandar di Daerah Bau ini. Pengkaji tidak menolak dapatan [Halib \(1992\)](#), berkenaan kepentingan penggunaan teknologi dalam membantu meningkatkan hasil pertanian dan mengatasi masalah kemiskinan dalam kalangan petani. Namun mengambil kira situasi pertanian di kawasan pinggir bandar di Daerah Bau, penggunaan teknologi pertanian di kawasan ini perlu diperhalusi dengan mengambil kira aspek modal, kesesuaian teknologi dan keluasan tanaman bagi mengelakkan pembaziran serta kerugian dalam kalangan petani. Walaupun begitu, komuniti pinggir bandar ini tetap bersetuju dengan penggunaan teknologi di dalam pertanian mampu meningkatkan pendapatan sekali gus menambah baik sara hidup mereka.

Akhir sekali, strategi dan penyesuaian kaedah sara hidup yang boleh dilakukan adalah mempelajari strategi pemasaran. Majoriti daripada responden bersetuju teknik pemasaran penting bagi meningkatkan hasil jualan dalam kalangan petani dan peniaga. Dapatan ini menyokong pernyataan daripada [\(Abdul Aziz, 1992\)](#), sistem pemasaran pertanian yang cekap dan berkualiti penting bagi membangunkan pertanian di kawasan pinggir bandar dan luar bandar. Hal ini demikian kerana, petani dan peniaga di kawasan pinggir bandar ini mengalami kesukaran untuk menjual dan memasarkan produk mereka kerana: kekurangan fasiliti dan tempat untuk menjual produk dan hasil pertanian, penguasaan pasaran oleh "orang tengah", dan pasaran di kawasan pinggir bandar yang terhad. Justeru melalui penguasaan ilmu jualan dan pemasaran ini secara tidak langsung mampu untuk membantu para petani dan peniaga untuk menjual produk sekali gus meningkatkan pendapatan mereka.

6. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, terdapat perubahan bentuk aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh komuniti bumiputera pinggir bandar di Daerah Bau. Perubahan ini dapat dibuktikan dengan perubahan bentuk pekerjaan yang dilakukan antara generasi pertama dan kedua KIR di kawasan tersebut. Perubahan pekerjaan ini banyak dipengaruhi oleh faktor pembangunan, perluasan kuasa pasar, perkembangan infrastruktur dan campur tangan pemerintah di kawasan pinggir bandar tersebut. Faktor-faktor ini seterusnya telah membawa kepada kepelbagaian dan pertambahan pekerjaan yang ditawarkan di kawasan tersebut. Selain itu, kesan daripada pembangunan dan rebakan pambandaran yang berlaku di kawasan pinggir bandar ini secara tidak langsung telah menyebabkan peningkatan harga barangan dan pertambahan kos sara hidup. Oleh yang demikian, perubahan pekerjaan yang dilakukan bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan pendapatan, tetapi juga bertujuan untuk memperbaiki taraf hidup komuniti bumiputera

di kawasan tersebut agar dapat bertahan dan beradaptasi dengan segala bentuk perubahan dan pembangunan yang berlaku.

Selain itu, terdapat lima bentuk strategi dan penyesuaian kaedah sara hidup yang telah disenaraikan dan dipersetujui oleh responden di kawasan pinggir bandar Daerah Bau. Strategi dan penyesuaian yang dikeluarkan oleh pengkaji ini adalah berdasarkan permasalahan semasa komuniti di kawasan tersebut. Justeru melalui pengaplikasian strategi dan penyesuaian kaedah sara hidup ini dilihat mampu untuk membantu meningkatkan pendapatan sekali gus memperbaiki taraf hidup komuniti bumiputera di pinggir bandar Daerah Bau ini. Terdapat strategi yang disenaraikan ini sudah mula diaplikasikan oleh responden namun masih lagi berada pada tahap yang rendah. Justeru, pengkaji yakin melalui penyesuaian sara hidup yang diperbaiki ini dilihat mampu untuk memperbaiki ekonomi komuniti di kawasan pinggir bandar ini. Akhir sekali, dapatan daripada kajian yang dilakukan ini juga mendapati jumlah pendapatan komuniti bumiputera pinggir bandar di Daerah Bau ini masih lagi berada pada tahap yang rendah. Oleh yang demikian, tindakan susulan yang efektif perlu dilakukan bagi mengatasi masalah ini bagi memastikan penduduk di kawasan pinggir bandar ini tidak ketinggalan dan bergerak seiringan dengan pembangunan yang berlaku.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik mengikuti garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dibentangkan terlebih dahulu kepada Jawatankuasa Etika Penyelidikan dan hanya dijalankan setelah mendapat kelulusan. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penghargaan diberikan kepada penduduk dan ketua kampung di Kampung Bobak, Kampung Tanjong Bowang dan Kampung Tanjong Poting diatas segala kerjasama yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.

Kewangan (*Funding*)

Pengkaji merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada Kementerian Pengajian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) kerana membiayai kajian ini di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) yang bertajuk "*Rekonstruksi Bentuk Stratifikasi Sosial dalam Komuniti Bumiputera Pinggir Bandar*". Nombor Geran: FRGS/1/2020/SS0/UNIMAS/02/3.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan terhadap kajian ini.

Rujukan

- Abdul, R. A. (2002). *Pekerjaan Dalam Kehidupan Manusia*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Abdul Aziz Rahman (1992). Pemasaran Pertanian Malaysia. Dlm. V. T. King, & N. M. Jali (pnyt.). *Isu-Isu Pembangunan Luar Bandar Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anuar Amir (2006). *Impak Limpahan Pembandaran Ke Atas Kampung Pinggir Bandar Di Wilayah Metropolitan* [Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan]. Universiti Teknologi Malaysia.
- Amaluddin, B., Zuliskandar, R., Choy, E., A., Azhan, A., (2017). Isu Kenaikan Harga Rumah Di Kawasan Pinggir Bandar: Satu Tinjauan Di Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat, Selangor. *Asian Journal of Enviroments, History and Heritage*, 1(2), 39-59.
- Clapson, M., Hutchison, R. (2010). *Introduction: Suburbanization in Global Society*. Bingley: Emerald Group Publishing Limited.
- Ellis, F. (1998). 'Household Strategies and Rural Livelihood Diversification'. *The Journal of Development Studies*, 35(1), 1-38.
- Forman, R. T. (2008). *Urban Region: Ecology and Planning Beyond the City*. London: Cambridge University Press.
- Gordon, D. L. A., & Janzen, M. (2013). Suburban Nation? Estimating The Size of Canada's Suburban Population. *Journal of Architectural and Planning Research*, 30(3), 197-220.
- Halib, M. (1992). Penyelidikan dan Pemindahan Teknologi Sosial: Pengalaman Risda Dalam Pengamiran Getah dan Biri-Biri. Dlm. V. King, & N. M. Jali (pnyt.). *Isu-Isu Pembangunan Luar Bandar Malaysia*, hlm. 282-292. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Jauhiainen, J. (2013). Suburbs. Dlm. Peter Clark (pnyt.). *The Oxford Handbook of Cities in World History*, hlm. 791-808. Oxford: Oxford University Press.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurements*, 607-610.
- Nor Hayati Sa'at (2010). *Keluar Dari Lingkaran Kemiskinan: Mobiliti Sosial Di Kalangan Komuniti Pesisir Pantai, Kuala Terengganu*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Suhaidi Salleh (2006). *Strategi Kehidupan dan Pekerjaan Masyarakat Melayu Pesisir Sarawak*. Kuching: Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.
- Mohamad Suhaidi Salleh & Nita Edama (2013). Livelihood Strategies and Formation of Economy and Social Stratification: Experience from Malaysia. *International Journal of Economics and Finance Studies*, 5(1), 247-257.
- Shari, I. (1992). Dasar- Dasar Pembasmian Kemiskinan dan Masyarakat Bumiputera Luar Bandar: Pencapaian Kini dan Cabaran Selepas 1990. Dlm. C. Siwar, M. Y. Kasim, & A. M. Ismail (pnyt.). *Ekonomi Bumiputera Selepas 1990*, hlm. 223-248. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Samruhaizad Samian & Azhan Awang (2017). Pendidikan Sebagai Komponen Kualiti Hidup Masyarakat Pinggir Bandar. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 1(1), 267-280.
- Syed Husin Ali (1975). *Malay Peasant Society and Leadership*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Teh, W. W., & Hamid, I. (1998). *Nilai Budaya Masyarakat Desa: Kajian Etnografi Di Wang Kelian, Perlis*. Ampang: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Tian, Y. (2020). Mapping Suburbs Based on Spatial Interactions and Effect Analysis on Ecological Landscape Change: A Case Study of Jiangsu Province from 1998 to 2018 in Eastern China. *Land*, 9(5), 1-18. doi:10.3390/land9050159.

Viet, V. (2010). People's Livelihoods in The Suburbs - A Case Study at a Community of Ho Chi Min City. *International Journal of Environmental and Rural Development*, 1(1), 19-24.